

Bank Rakyat UNIpreneur 3.0 bantu 20 usahawan asnaf UMS

UB 17.07.2023 P.08

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTA KINABALU: Program Universiti Malaysia Sabah (UMS) Bank Rakyat UNIpreneur 3.0: Kick-Off Event yang diadakan oleh Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) UMS di Pusat Islam UMS beri suntikan dana sebanyak RM3,000 seorang kepada usahawan siswa asnaf UMS.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata, dana terbabit adalah untuk mengembangkan perniagaan selain memberi latihan dan bimbingan keusahawanan kepada usahawan siswa asnaf dalam menguruskan perniagaan selama enam bulan.

“Seramai 20 usahawan siswa asnaf yang terdiri daripada pelajar Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Perhutanan dan Tropika, Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan,



SERAH: Suhaimi menyerahkan replika cek program Bank Rakyat UNIpreneur kepada Raman.

dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan terpilih bagi program ini,” katanya semasa berucap pada program itu.

Menurutnya 10 mentor juga dilantik daripada kalanjan pensyarah dan kakitangan UMS untuk membimbing dan memantau peserta program ini.

“Setinggi penghargaan pada Bank Rakyat dengan sumbangan dan sokongan kepada UMS, terutamanya suntikan dana sebanyak RM66,000 untuk membantu usahawan pelajar asnaf berpotensi di

mengembangkan perniagaan, mengikuti latihan serta bimbingan ini.

“Diharapkan 20 usahawan pelajar ini akan menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk menceburi bidang ini sebagai pilihan kerjaya dan mampu memberi peluang pekerjaan kepada komuniti setempat,” katanya.

Bank Rakyat UNIpreneur adalah inisiatif kewangan sosial Bank Rakyat yang menyasarkan pembangunan ekosistem usahawan mahasiswa asnaf berpotensi di

Malaysia.

Program selama enam bulan pada tahun ini akan memberi manfaat kepada 500 peserta daripada 20 institut pengajian tinggi terpilih.

Turut hadir Pengarah Pusat Alumni UMS Dr. Arif@Kamisan Pusiran; Timbalan Pengarah (Keusahawanan) PKPKP UMS Dr. Nur Thara Atikah Zainal; Pengurus Cabangan Bank Rakyat Kota Kinabalu Suhaimi Jainulah; dan Pengurus Kelestarian Bank Rakyat Azahary Kamarulzaman.